

**e-BULETIN**

**HASIL**

**PERSEDIAAN  
PELAPORAN  
CUKAI 2021**

**SEDIAKAN DOKUMEN TUNTUTAN SEBELUM PENGISIAN  
BORANG:**

**RESIT PEMBELIAN**

**PENYATA PENDAPATAN**

**PENYATA INSURANS/ZAKAT**

## 1. TANGGUNGJAWAB INDIVIDU

Sebagai pembayar cukai, pelaporan cukai yang telus dan teratur adalah penting bagi memastikan tanggungjawab kepada negara dapat dilaksanakan dengan lancar.

Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian :

### a) Semak

- Maklumat dalam dokumen/penyata pendapatan, termasuk maklumat caruman PCB, KWSP, Perkeso, zakat dan lain-lain yang berkaitan.
- Maklumat dalam dokumen/penyata/resit yang ingin dituntut sebagai pelepasan.

### b) Lapor secara e-Filing

- Pendapatan yang diterima, termasuk penerimaan bukan daripada penggajian (contoh : perniagaan, komisen, royalti dll.).
- Perbelanjaan yang layak dituntut sebagai pelepasan termasuk potongan dan rebat.

### c) Bayar

- Baki cukai perlu dibayar seperti yang dipaparkan dalam e-Filing / e-Lejar.

### d) Simpan

- Semua dokumen/penyata/resit/helaian kerja berkaitan selama tujuh (7) tahun bagi tujuan audit.

Maklumat lanjut berhubung tanggungjawab pembayar cukai individu boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > Individu.

## 2. HASIL RECOVERY CALL CENTRE @ HRCC

HRCC adalah medium yang disediakan oleh HASiL bagi mengendalikan semua pertanyaan mengenai **bayaran cukai** dan **sekatan perjalanan** yang dikenakan ke atas pembayar cukai.

Pusat panggilan ini menyediakan perkhidmatan mesra oleh *Tax Recovery Consultant (TRC)* mengenai kaedah bayaran cukai pendapatan individu, syarikat, potongan cukai bulanan (PCB) serta bayaran untuk sekatan perjalanan.

HRCC boleh dihubungi melalui talian 03-8751 1000, manakala semakan status sekatan perjalanan boleh dibuat melalui capaian <http://sspi.imi.gov.my/sspi/>.

### 3. DAH DAFTAR SEBAGAI PENGGUNA E-FILING ?

Tidak pasti sama ada anda telah berdaftar sebagai pengguna e-Filing ?

Sila semak melalui langkah berikut :

#### a) Belum Mendaftar Sebagai Pengguna e-Filing

Sila dapatkan nombor PIN e-Filing melalui Borang Maklum Balas Pelanggan HASiL di pautan <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY/>.

#### b) Telah Mendaftar, Tetapi Terlupa Kata Laluan / Disekat

- i) Jika e-mel telah berdaftar dengan HASiL, layari <https://mytax.hasil.gov.my/> pilih e-Filing dan klik Terlupa Kata Laluan; atau
- ii) Jika nombor telefon bimbit telah berdaftar dengan HASiL, sila hantar "HASILEF<jarak>IND<jarak><No Pengenalan>" ke 38888 untuk mendapatkan Kod Pengaktifan Sementara melalui SMS.

Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my/> > e-Filing.

### 4. CARUMAN PCB OLEH MAJIKAN

Setiap tahun, majikan akan menyediakan Penyata Pendapatan Tahunan Pekerja iaitu Borang EA untuk pekerja swasta dan Borang EC bagi penjawat awam. Berdasarkan ketetapan oleh HASiL, majikan perlu menyerahkan Borang EA/EC Tahun 2021 kepada pekerja mereka pada atau sebelum hari terakhir bulan Februari 2022.

Antara tanggungjawab pekerja ialah memastikan maklumat yang tercatat dalam penyata pendapatan diterima adalah tepat dan teratur.

Bagi caruman Potongan Cukai Bulanan (PCB), pekerja perlu menyemak amaun yang dipaparkan dalam penyata pendapatan tersebut adalah sama dengan jumlah caruman oleh majikan kepada HASiL.

Semakan caruman PCB boleh dibuat dalam sistem e-Lejar yang boleh diakses melalui MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my/>.

Sekiranya terdapat perbezaan maklumat dalam Borang EA/EC, pekerja disarankan untuk merujuk kepada majikan bagi semakan semula dan pindaan jika berkaitan.